

SOALAN NO: 139

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SRI WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]

SOALAN : 139

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah untuk orang awam membuat laporan secara sulit dan selamat mengenai salah laku dan salah guna kuasa polis tanpa perlunya membuat pendedahan di sosial media.

JAWAPAN: **YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah mengambil langkah yang proaktif melalui penubuhan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) bagi menangani isu salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa daripada 21 Agensi Penguatkuasaan Persekutuan termasuklah anggota Polis Diraja Malaysia. EAIC telah diberi mandat selaras dengan peruntukan seksyen 4(1) (a) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700], untuk

menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan secara amnya dan menyiasat serta mengadakan pendengaran bagi aduan sedemikian.

Untuk tujuan ini, EAIC telah menyediakan beberapa saluran untuk memudahkan orang awam membuat aduan kepada EAIC berhubung salah laku pegawai penguat kuasa di bawah seliaan EAIC. Sebagaimana peruntukan seksyen 23(2) Akta 700, orang awam boleh membuat aduan secara bertulis kepada EAIC sama ada dengan hadir sendiri ke pejabat EAIC, secara surat rasmi atau secara atas talian iaitu melalui emel di aduan@eaic.gov.my atau melalui sistem e-aduan yang boleh diakses melalui laman web EAIC. Atas keterbukaan EAIC dalam menerima aduan, EAIC turut mengambil kira aduan-aduan orang awam melalui Facebook dan Twitter, surat layang dan media massa serta aduan juga boleh diterima melalui rujukan oleh agensi Kerajaan yang lain kepada EAIC bersesuaian dengan konsep *No Wrong Door Policy*.

Bagi memelihara kerahsiaan dan identiti pengadu, EAIC adalah terikat dengan obligasi kerahsiaan sebagaimana peruntukan dalam seksyen 52 Akta 700 iaitu tiada Pesuruhjaya, pegawai dan kakitangan Suruhanjaya dan anggota Pasukan Petugas, sama ada semasa atau selepas tempoh jawatan atau penggajiannya, boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang didapatinya semasa menjalankan tugasnya.

Terima kasih.